

Husniah pertahan gelaran ratu pecut dua tahun lalu

# Aqil raja pecut baharu

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH

**A**TLET kebangsaan, Muhammad Aqil Yasmin menebus kekecewaan dua tahun lalu apabila merampas gelaran raja pecut Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 selepas meraih pingat emas 100 meter (m) di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi semalam.



Aqil, 21, yang mewakili Universiti Teknologi Mara (UiTM), meraih pingat emas dengan catatan masa 10.78 saat (s), 0.01s lebih pantas daripada pemenang tempat kedua yang juga pelari pecut kebangsaan, Jonathan Nyepa dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Walaupun gagal memperbaharui rekod peribadi terbaiknya iaitu 10.48s dilakukan pada Sukan Malaysia (Sukma) 2016



AQIL (tiga dari kiri) mengungguli acara 100m pada SUKIPT di Stadium UKM, Bangi semalam.

di Kuching, Sarawak, namun Aqil tetap gembira dengan kejayaannya memenangi perlumbaan sengit tersebut.

Pingat gangsa menjadi milik rakan sepasukan Aqil dari UiTM, Muhammad Nazrul

Naim Azman dengan catatan 10.83s, menewaskan pelari Thailand mewakili Universiti Thammasat Bangkok, Sakchai Laomool di tempat keempat (10.90s).

Sebagai rekod, Aqil sebelum ini seka-



dar meraih tempat ketiga di belakang Harith Ammar Mohd. Sobri dan G. Aravinthevar sewaktu edisi SukIPT 2016.

Sementara itu, Olimpian negara, Zaidatul Husniah Zulkifli (**gambar kecil**) menepati ramalan apabila mudah mempertahankan gelarannya sebagai ratu pecut SukIPT dua tahun lalu pada edisi kali ini dengan meraih pingat emas 100m menerusi catatan masa 12.04s.

Bintang olahraga UPM itu berjaya menewaskan Runan Sureewan dari Universiti Thammasat Bangkok yang meraih pingat perak (12.39s), manakala tempat ketiga menjadi milik atlet Politeknik Malaysia, Nor Ashikin Md. Isa (13.23s).

Kejayaan itu merupakan permulaan baik buat Husniah yang sedang dalam fasa persiapan untuk menghadapi Pra Sukan Asia di Jakarta bermula minggu depan.